

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH : 3.12.2019 (RABU)**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah mekanisme yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah manipulasi produk berdasarkan muslim oleh usahawan bukan muslim yang menggunakan agama Islam dan tulisan jawi untuk mengaburi mata pengguna muslim yang merupakan pengguna terbesar di negara bagi mengaut keuntungan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian ini sentiasa memberi perhatian serius berhubung isu-isu manipulasi perbahasaan halal seperti ungkapan '*Muslim friendly*', '*shariah compliance*', penggunaan ayat Al-Quran dan lain-lain ungkapan dan perbuatan, yang mana ianya menjadi suatu kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.
2. Walau bagaimanapun, asas kepada tindakan pemeriksaan yang dilaksanakan adalah bagi memastikan produk makanan atau premis makanan yang menggunakan perbahasaan halal adalah disahkan halal oleh badan berkuasa berwibawa iaitu JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri, bukanlah bagi memastikan ianya dimiliki oleh orang Islam semata-mata.

**NO. SOALAN : 8**

3. Bagi menangani isu-isu manipulasi perbahasaan halal seperti ini, Kementerian akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) Berkerjasama dengan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memperkemaskan penguatkuasaan berkaitan perbahasaan halal;
- b) Membuat hebahan umum mengenai pematuhan perundangan halal melalui media sosial rasmi Kementerian dan menerbitkan kenyataan media;
- c) Menjalankan pemeriksaan halal secara berkala di rumah-rumah penyembelihan, kilang pemprosesan, pasaraya dan restoran di samping memberi khidmat nasihat mengenai perundangan; dan
- d) Mengadakan operasi khas berkaitan halal secara bersepadu dengan agensi-agensi Kerajaan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.